

Mengawal Beranak dan Sukatan Keluarga

Persoalan mengawal beranak yang disebut “*birth control*” dan rancangan keluarga (*family planning*) telah dianjurkan oleh kerajaan Malaysia dan juga kerajaan Singapura supaya perkara-perkara mengenai banyak keluarga itu tidak mengendalakan perkara ekonomi dan pelajaran serta menjaga kesihatan dan kelapangan bagi kaum ibu memelihara anaknya. Kalau dahulu rancangan ini hanya oleh badan-badan biasa tetapi sekarang kerajaan sendiri menganjurkannya. Tetapi walaupun begitu kerajaan tidak mengadakan paksaan bagi tiap-tiap seorang yang banyak keluarga bagi mengikutnya – ertinya tidak ada paksaan. Ini mungkin ada setengah-setengah agama yang tidak meluluskan yang demikian dengan kepercayaan-kepercayaan agama dan ajaran-ajaran mereka. Persoalan ini sebenarnya kita telah pernah menjawab di dalam ruangan Abu al-Mokhtar pada bilangan 60 keluaran bulan Julai 1955 (Dhu al-Qa’idah 1374) – sepuluh tahun yang lalu dan sungguhpun demikian untuk mengambil perhatian kita siarkan semula bagi seluruh umat Muslimin, terutamanya bagi perhatian sekalian ulama di Tanah Melayu dan di Singapura. Kerana nampaknya perkara ini tidak mendapat sambutan yang wajar daripada mereka itu.

Rencana itu adalah menjawab pertanyaan seorang di ruangan Abu al-Mokhtar dan disiarkan semula kandungannya seperti itu dengan sedikit diberi penjelasan tentang cara-cara baru dengan tidak berubah tujuan hukum-hukumnya.

– P.

Sebenarnya kerap kali belaku perselisihan pendapat tentang menentukan suatu hukum itu oleh ulama-ulama kita bukannya disebabkan oleh hukum-hukum itu tidak ada tetapi lazimnya kerana kurang penyelidikan tentang sesuatu masalah yang hendak diberi hukum di atasnya.

Menurut kaedah syarak bahawa apabila hendak menentukan sesuatu hukum itu hendaklah perkara yang hendak dihukumkan itu dibentangkan dahulu hal-halnya dengan terang dan sesudah terbentang di hadapan kita baharulah ia meletakkan hukum agama ke atasnya sama ada perkara itu menepati hukum al-Qur’ān, al-Ḥadīth, Ijmā’ sahabat atau pun pada perkara yang boleh diqiaskan kepada asas-asas hukum yang tersebut.

Dengan berasaskan kepada yang demikian inilah maka sepatutnya sebelum sesuatu perkara hendak dihukumkan atau hendak ditentukan hukumnya itu terlebih dahulu diminta keterangan ahli-ahlinya kerana ulama-ulama fikah, hadith dan tafsir itu ada kalanya tidak mengetahui selok belok perkara-perkara

kesihatan sedang perkara-perkara yang mengenai kesihatan itu tidak pula satu jenis ahli-ahli ilmu padanya – dan dengan sendirinya yang demikian itu terkait kepada firman Allah (yang maksudnya): **Tanyalah (akan sesuatu) kepada ahlinya (ahli al-dhikr) dalam perkara-perkara yang tidak diketahui.**

Di sinilah kerap kali yang menjadi punca kepada beberapa kesalahan untuk menentukan sesuatu hukum kerana terkadang-kadang keadaannya satu tetapi keadaan itu pula berbeza-beza sebabnya yang menjadikan berbeza-beza pula hukum di atasnya. Itulah menjadi suatu kebijaksanaan kepada ulama atau majlis ulama atau majlis syura untuk mengadakan suatu kerjasama atas sesuatu masalah di antara alim ulama tentang hukum-hukum yang mengenai agama dengan ahli-ahli cerdas pandai seperti ahli-ahli perubatan, ahli-ahli iktisad dan ahli-ahli hukum untuk orang-orang yang membuat masalah-masalah yang didatangkan oleh ahli-ahli pengetahuan itu dibahas oleh ulama-ulama Islam daripada ahli-ahli yang mahir dalam tafsir, dalam al-Ḥadīth dan dalam fikah.

Terlanjur telah membicarakan perkara sekatan beranak yang jadi perbincangan itu ada molek rasanya di sini kita memberi penerangan kepada cara mana hendak menentukan hukum-hukum di atasnya.

Sepatutnya sebagaimana yang tersebut di atas, orang yang hendak memberi fatwa itu terlebih dahulu mengetahui dengan sedalam-dalamnya tentang apa sebenarnya yang dimaksudkan tentang “*family planning*” (mengatur keluarga) yang dianjurkan dan apa pula yang dikehendaki dengan “*birth control*” (mengawal beranak).

Daripada apa yang telah kami siasat maka ada bezanya di antara keduanya, baik di dalam caranya atau pun tujuannya. Tujuan yang diberi oleh *family planning* itu, daripada apa yang telah dimaklumkan, ialah untuk menjarakkan beranak, supaya kesihatan ibu dapat terjamin dan supaya dapat ia menyelenggarakan anak dengan sempurna tidak pula merosakkan tempat beranak – yakni mengadakan ikhtiar sebelum benih kejadian itu tumbuh di dalam rahim perempuan.

Kaedah-kaedah yang diberi tidaklah sama sekali merosakkan rahim perempuan atau pun tempat peranakan perempuan itu. Umpananya menggunakan getah, atau menggunakan sesuatu ubat yang dimasukkan beberapa minit ke dalam rahim perempuan untuk membunuh hama-hama yang keluar selama sejam sahaja.

Dalam negeri-negeri seperti Singapura ini ada pertubuhan yang menganjurkan *family planning* ini dengan menunjukkan kaedahnya serta bagaimana menggunakan getah ke dalam rahim perempuan yang kerananya diadakan doktor perempuan untuk mengajar ianya menggunakan getah serta menyatakan besar kecil getah yang hendak digunakan. Langkah-langkah yang dijalankan ini, menurut kenyataan yang diberi ini tidak sekali-kali merosakkan kepada kesihatan perempuan itu dan perempuan itu apabila suka dengan sendirinya boleh membuka atau mengeluarkan getah itu daripada rahimnya.

Di dalam cara yang baru *family planning* dilakukan dengan ada pembelahan tetapi hanya dengan menggunakan satu lingkaran plastik yang dibentuk berupa rahim.

Plastik itu adalah menutup rahim perempuan dan boleh ditinggalkan berbulan-bulan dan bertahun-tahun lamanya dan alat itu boleh dikeluarkan dan apabila dikeluarkan bolehlah perempuan itu mengandung seperti sedia kala.

Di dalam cara-cara yang diberi dalam hal ini terang dan nyata ditujukan semata-mata untuk menjauhkan percampuran antara mani lelaki dengan perempuan yang boleh menjarakkan anak dengan tidak sekali-kali merosakkan tempat beranak dan tidak pula¹ merosakkan kesihatan lelaki.

Dengan tujuan ini maka timbul satu soal bagaimana perkaitannya jika suami pula menggunakan “*french cap*” yakni sarung getah bagi lelaki? Bolehkah yang demikian ini dikaitkan dengan hukum yang mengenai ‘*azal*? (‘*azal* ialah lelaki dengan keredaan perempuan apabila tiba saat *anzal* mengeluarkannya di luar daripada rahim perempuan).

Soal menjarangkan anak dengan menggunakan “ber ‘*azal*” ini ada diterangkan oleh hadith-hadith dan *athar* seperti yang disebutkan di bawah ini; maksudnya;

Daripada Jabir, katanya: “Kami biasa menggunakan cara ber ‘*azal* pada zaman Rasulullah (S.A.W), sedang al-Qur’ān ketika itu masih turun.” – (*muttafaqu ‘alayh*) dan bunyinya menurut riwayat Muslim pula: “Kami biasa menggunakan cara ber ‘*azal* pada zaman Rasulullah (S.A.W) perkara itu telah sampai ke pengetahuannya dan ia tidak melarang kami.”

Daripada Abu Sa’id berkata: “Orang-orang Yahudi berkata, ber ‘*azal* itu ialah membunuh anak dengan cara halus. Mendengar itu, Rasulullah (S.A.W) bersabda: Berdustalah kaum Yahudi. Sesungguhnya Allah ‘*Azza wa Jalla* jika berkehendak menjadikan sesuatu, tidak akan sanggup sesiapa menahannya.” – R. Ahmad dan Abu Daud.

Dari Usamah bin Zaid: Bahawa seorang lelaki telah datang mengadap Rasulullah (S.A.W) dan berkata: “Saya menggunakan cara ber ‘*azal* dalam masa saya bersatu dengan isteri saya”. “Apa sebab kamu lakukan yang

¹ pula

demikian?” Tanya Nabi kepadanya. Orang itu menjawab:

“Saya kasihankan anak-anaknya.” Rasulullah (S.A.W) bersabda:

“Kalau perbuatan (ber ‘*azal*) itu berbahaya tentulah telah membahayakan orang-orang Parsi dan Rom (yang biasa menggunakannya).” R. Ahmad dan Muslim.

Dalam pada itu ada hadith yang melarang ber ‘*azal*.

Daripada Huzamah binti Wahab al-Asdiyyah katanya:

“Saya telah menghadiri majlis Rasulullah (S.A.W) ketika ia sedang berkata kepada beberapa orang. Aku telah tergerak hendak melarang daripada perbuatan “*ghilah*” tetapi aku siasat dari hal orang Rom dan Parsi lalu ku dapati mereka menjalankan cara “*ghilah*” itu dan perbuatan itu tidak membahayakan anak-anak mereka. Orang yang hadir pun bertanya Nabi tentang hukum ber ‘*azal* lalu Baginda bersabda: Itulah dia perbuatan “*al-wād al-khafi*” (membunuh anak dengan cara sembunyi) lalu dijelaskan dengan membaca satu ayat Qur’an: *Wa iza al-mawaddah su’ilat* (ketika anak perempuan yang dibunuh dengan ditanam hidup-hidup itu akan diperiksa sebab-sebabnya maka ia dibunuh).” – R. Ahmad dan Muslim.

Kalimah “*ghilah*” yang tersebut di atas ialah maknanya bercampur dengan isteri dalam peringkat masa si isteri menyusukan anak dari susunya sendiri.

Melihatkan orang-orang Rom dan Parsi yang biasa melakukan perbuatan itu tidak membahayakan anak-anak mereka maka Rasulullah tidak melarang umatnya daripada melakukannya.

Jelasnya hadith Ummu Huzamah yang tersebut melarang daripada perbuatan ber ‘*azal* dan bertentangan dengan tiga hadith yang telah diturunkan di atas yang membolehkan ber ‘*azal* dan kerana itu timbul ikhtilaf ulama sepuk mengatakan boleh ber ‘*azal* dan sepuk lagi mengatakan tidak boleh.

Dalam pada itu ada pula ulama yang telah menyatukan hadith melarang ini dengan hadith-hadith yang membolehkan (yakni menyesuaikan kehendaknya sekira-kira tidak bertentang) di antaranya ialah *al-‘Allamah* Ibn al-Qayyim.

Ibn al-Qayyim berkata bahawa Rasulullah (S.A.W) telah

mendustakan kaum Yahudi (dalam hadith yang membolehkan ber ‘*azal*) dan telah menerangkan bahawa ber ‘*azal* itu tidak mencegah daripada hamil apabila Tuhan ‘*Azza wa Jalla* hendak menjadikan anak itu maka dijadikannya (dengan tidak ada apa-apa yang boleh menghalangnya) dan jika tidak dikehendaknya maka tidak akan terjadi makhluk itu. Demikian pula perbuatan ber ‘*azal* itu bukanlah perbuatan *wād* (membunuh anak) yang hakiki dan kerana itu disifatkan dengan “*wād khafi*” (membunuh anak dengan jalan bersembunyi) dalam hadith Huzamah (yakni hadith yang melarang daripada ber ‘*azal*). Kerana seseorang suami menggunakan cara ber ‘*azal* itu ialah kerana hendak mengelak supaya isterinya jangan hamil dan kerana itu *qasadnya* yang tersebut telah disifatkan seperti *qasad* membunuh anak tetapi perbezaan keduanya ialah bahawa perbuatan “*al-wād*” (membunuh anak dengan menanamnya hidup-hidup) itu dapat dilihat nyata dengan dikerjakan dia maka dengan itu terhimpun kepada *qasad* dan perbuatan, sedang ber ‘*azal* itu pula adalah digantung kepada *qasad* sahaja, dan kerana itu disifatkan dengan “*wād*” yang bersembunyi.

Selain daripada itu hadith Huzamah yang melarang ber ‘*azal* telah dilemahkan kerana ada tambahan dihujungnya yang hanya Sa’id bin Abi Ayub seorang sahaja yang meriwayatkan daripada al-Aswad dengan ibarat yang tersebut, pada hal Malik dan Yahya bin Ayub yang juga telah meriwayatkan daripada al-Aswad tidak menyebut tambahan itu kerana ibarat itu menentang maksud hadith-hadith yang membolehkan ber ‘*azal*. Penyusun-penyusun kitab-kitab hadith “*al-Sunan al-Arba’a*” telah membuang tambahan tersebut.

Dengan huraian ini nyatalah ber ‘*azal* yang dilakukan dengan *qasad* hendak menjarangkan anak kerana menjaga kesihatan ibu supaya jangan bertambah teruk, boleh dan tidak dilarang oleh Islam.

Melihat kepada keterangan itu maka pada pandangan kita bolehkah yang demikian diqiaskan kepada ‘*azal* yakni lelaki diluluskan menggunakan sarung getah dengan syarat hendaklah ada persetujuan di antara kedua-dua pihak (suami dan isteri).

Ada lagi suatu cara biasa yang dilakukan orang – ini pun tidak berapa terjamin yaitu janganlah hendaknya ada persetubuhan di antara keduanya seminggu atau sepuluh hari sesudah kering haid bagi wanita.

Cara ini banyak juga digunakan, dan menurut sebahagian pihak adalah memberi kesan.

Yang tersebut di atas ialah perkara yang mengenai peraturan berkeluarga (*family planning*) yang keadaannya berlainan pula dengan *birth control* (mengawal beranak). Kita belum menyasat dengan secukup-cukupnya tentang perkara yang kedua ini (mengawal beranak). Kita hanya mendapat sedikit gambaran yang menunjukkan bahawa di antara cara-cara yang dijalankan ialah memotong suatu urat di pinggang wanita dan dengan potongan itu maka dengan sendirinya putuslah sama sekali harapan bagi wanita itu untuk mendapat anak. Peraturan yang semacam ini, merosakkan tempat peranakan, sekalipun disetujui oleh suami, adalah dilarang oleh Islam kerana yang demikian bermakna merosakkan tempat beranak.

Sekarang telah zahir di hadapan kita dua cara – cara menyusun keluarga (*family planning*) dan cara mengawal beranak (*birth control*). Di dalam dua cara ini sedikit sebanyak telah digambarkan. Di sini kita patut pula mengkaji apakah niat atau tujuannya?

Tiap-tiap sesuatu perbuatan atau amal itu hendaklah dengan niat. “Tiap-tiap amal adalah dengan niat” – maksud hadith Rasulullah (S.A.W).

Apakah niat atau tujuan langkah-langkah yang dikehendaki menyekat beranak itu? Inilah puncanya. Adakah niat itu kerana takut tidak terberi makanan; atau tidak terberi pelajaran; atau kerana ibu itu tidak cukup sihat (kerana kesihatan ibu). Sekiranya kerana tidak cukup makan atau tidak terberi pelajaran – yang demikian ini adalah sebab-sebab yang tidak dikuasai oleh manusia – yang demikian ini adalah di dalam kekuasaan Tuhan – sebab-sebab yang semacam ini adalah ditegah atau tidak diluluskan dengan beralasan kepada beberapa ayat al-Qur’ān.

Tetapi berkenaan dengan kesihatan diri ibu maka di sini kebanyakan ulama-ulama meluluskannya. Umpamanya seseorang ibu yang beranak tiap-tiap tahun – keadaannya semakin banyak anak semakin lemah dan tiap-tiap kali beranak keadaannya terdedah dalam bahaya – umpamanya terpaksa anaknya dikeluarkan dengan paksa oleh doktor dan seumpamanya – adalah yang demikian diluluskan kerana Islam tidak sekali-kali menyuruh seseorang itu memasuki dirinya di dalam bahaya.

Jadi terang bahawa satu keadaan berlainan maka tidak boleh terus dihukum sama sahaja dengan suatu hukuman.

Tetapi bagaimana jalan dengan menggugurkan anak?

Menggugurkan anak di dalam kandungan itu ertinya menggugurkan benih yang telah tumbuh. Untuk ini adalah molek bagi alim ulama kita sebelum memberi hukum, makruh, haram dan seumpamanya, hendaknya menyasat lebih dahulu akan akibat atau bencana atau pun, jika ada, kebaikan kepada diri seseorang untuk menggerakkan anak yang telah lekat di dalam rahim ibunya itu.

Bagi kita masa ini adalah termasuk di dalam zaman sains maka adalah sangat mudah bagi ulama-ulama kita, jika sebenar-benarnya mahu menyasat, untuk mengetahui persesuaian keadaan dengan menentukan hukum-hukum di atasnya.

Di atas tadi telah kita katakan bahawa jauh bezanya di antara menggugurkan anak dengan menyekat beranak. Haruskah atau bolehkah menggugurkan anak, makruhkah atau haramkah? Dapat kita berikan jika kita mahu mengetahui selok beloknya perkara anak itu (menggugurkan benih yang ada di dalam rahim ibunya yang disebut di dalam Bahasa Inggerisnya *abortion*).

Tuhan di dalam al-Qur’ān, tatkala menceritakan kejadian kanak-kanak daripada rahim ibunya itu telah berfirman (maksudnya):

“Sesungguhnya kami telah menjadikan manusia daripada tanah. Kemudian kami jadikan dia air mani yang

disimpan di dalam tempat yang kukuh (rahim). Kemudian mani itu kami jadikan seketul daging; dari daging itu kami jadikan tulang, maka tulang itu kami bungkus dengan daging, kemudian kami jadikan makhluk yang baru, yakni manusia yang sempurna kejadiannya, Maha Berkat Tuhan sebaik-baik yang menjadikan.” – (*Sūrah al-Mukminūn* 12-14).

Ayat-ayat di atas ini adalah menerangkan cara kejadian manusia – bagaimana mula jadinya sehingga kepada kejadian yang sempurna di dalam rahim ibunya. Bila masanya ia beroh? Di dalam sesebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abu Daud tatkala meriwayatkan bila roh itu ditup ada berkata (maksudnya):

“Sesungguhnya kejadian salah seorang kamu dikumpulkan di dalam perut ibunya empat puluh hari. Kemudian ia menjadi darah beku seperti itu juga (40 hari), kemudian ia menjadi segumpal daging seperti itu juga (40 hari), kemudian Allah mengutus kepadanya seorang malaikat lalu diperintah kepadanya empat perkara: rezeki, amalnya dan ajalnya, kemudian ditulis ia sebagai orang yang celaka atau berbahagia, kemudian ditiup roh padanya.” – Riwayat Abu Daud).

Di dalam hadith ini terang bahawa dalam masa tiga kali empat puluh hari (120 hari) adalah ditiupkan roh bagi kanak-kanak yang ada di dalam kandungan ibunya. Apabila kita cantumkan keduanya yang tersebut di atas ini terang bahawa anak itu diterangkan satu persatu kejadiannya. Adakah keterangan-keterangan ini tidak meluluskan menggugurkan anak atau adakah ia sebagai suatu keterangan tentang kejadian manusia yang diatur oleh Allah mengikut Sunnah-Nya.

Jika sekiranya keterangan-keterangan ini dinyatakan sebagai meluluskan menggugurkan anak, yakni kenyataan-kenyataan yang mengenai kejadian manusia itu dijadikan alasan untuk merosakkan barang yang telah tumbuh maka harus pendapat yang serupa ini akan banyak menerima bantahan sama ada daripada segi agama atau pun daripada umum. Ketentuan kejadian itu adalah digunakan juga oleh hukum-hukum pidana (negeri) iaitu anak

di dalam kandungan, yang telah bernyawa, jika dengan sengaja adalah disifatkan sebagai membunuh diri seseorang. Perbuatan ini adalah hukumnya haram sama ada di dalam hukum pidana atau pun hukum agama.

Tetapi bagaimana hukumnya jika digugurkan sebelum sampai masa itu yakni sesudah ia mengetahui dengan tepat bahawa ia telah hamil. Hal inilah yang dicuba oleh sebahagian pihak untuk menyatakan bahawa yang demikian itu hanya makruh hukumnya. Alasan-alasan yang diberi di dalam perkara ini tidak tepat dan nyata tetapi keteranga-keterangan itu samar-samar sahaja. Alasan-alasan yang diberi selalu berasaskan kepada pendapat orang lain – bukan pendapat dari ijtihadnya sendirinya dengan alasan-alasan yang disendikan kepada Kitab Allah dan Sunnah Rasulullah (S.A.W).

Bagi ulama kita masa sekarang, berhubung dengan terbukanya ilmu sains, sebagaimana kita terangkan di atas, mustahak sungguh lebih dahulu mengkaji keadaan seseorang itu kalau ia menggugurkan kandungannya. Umpamanya kalau kandungan itu baharu sebulan betapa kesannya kepada tubuh, kalau dua bulan dan seterusnya kalau tiga bulan.

Jika semuanya itu kita ketahui mendedahkan kepada bahaya-bahaya yakni boleh merosakkan kesihatan dan boleh pula mendedahkan kepada bahaya maut jika diketahui yang demikian itu maka hukumnya sudah terang haram.

Walhasil, kita tidak mendapat sesuatu keterangan, sama ada pada segi kesihatan apa lagi agama yang meluluskan menggugurkan anak terutamanya sesudah berumur tiga bulan: dan sekiranya diniatkan pula kerana takut tidak terberi pelajaran atau tidak terberi makan maka sudah terang hukumnya ditegah melakukannya sedang di dalam perkara ini pula untuk mengawal kesihatan ibu itu atau pun tidak ada pula – bahkan kesihatan seseorang ibu itu, sebagaimana lazimnya, apabila sudah menggugurkan kandungannya dengan dipaksa sudah tentu akan terganggu yang bermakna mendedahkan diri kepada bahaya.

